

## Terma dan Syarat Kad Touch 'N Go Zing (Credit) Hong Leong

Terma dan Syarat ini hendaklah dibaca bersama sebagai keseluruhan dengan Perjanjian Pemegang Kad dan sebarang terma dan syarat lain yang berkaitan sebagaimana ditetapkan oleh Bank Penerbit dari semasa ke semasa dengan memberi notis awal, serta sebarang peraturan dan perundangan yang mengikat ke atas Bank Penerbit. Sekiranya terdapat sebarang percanggahan, Terma dan Syarat khusus di sini akan berkuat kuasa setakat ianya berkaitan dengan percanggahan tersebut.

### 1. Takrifan

- 1.1 **"Pihak Berkuasa Berkenaan"** bermaksud mana-mana pihak berkuasa kerajaan atau percukaian;
- 1.2 **"Fungsi Tambah Nilai Automatik"** bermaksud fungsi di dalam Kemudahan TNG yang menambah nilai wang tersimpan di dalam dompet elektronik secara automatik dengan Jumlah Tambah Nilai Automatik (di laluan tol yang dikendalikan oleh Penyedia Perkhidmatan) apabila nilai wang tersimpan mencapai Paras Pra-Tetap;
- 1.3 **"Yuran Tambah Nilai Automatik"** bermaksud yuran yang dikenakan oleh TNGSB untuk setiap tambah nilai automatik wang tersimpan di dalam dompet elektronik yang berjaya dilakukan dengan Jumlah Tambah Nilai Automatik apabila nilai wang tersimpan mencapai Paras Pra-Tetap;
- 1.4 **"Jumlah Tambah Nilai Automatik"** bermaksud nilai wang tetap sebanyak RM100.00, yang mungkin diubah dari semasa ke semasa oleh TNGSB dan Bank Penerbit yang akan ditambah kepada Kad Zing apabila nilai wang Kad Zing mencapai Paras Pra-Tetap;
- 1.5 **"Kad"** bermaksud mana-mana MasterCard dan/atau Visa yang dikeluarkan oleh Bank Penerbit di bawah kategori Klasik, Emas atau Platinum, atau sebarang kategori lain yang mungkin diperkenalkan atau digantikan oleh Bank Penerbit dari semasa ke semasa dan akan merangkumi kad yang dikeluarkan sebagai gabungan atau dikaitkan dengan mana-mana pihak ketiga dan/atau kad yang dikeluarkan di bawah sebarang produk atau pilihan nama atau rujukan, dan selaras dengan Klausula 22 Perjanjian Pemegang Kad yang turut merangkumi Kad Tambahan;
- 1.6 **"Pemegang Kad"** bermaksud seseorang yang dinamakan dan dikeluarkan Kad dan Kad Zing kepadanya oleh Bank Penerbit;
- 1.7 **"Akaun Kad"** bermaksud akaun Pemegang Kad dengan Bank Penerbit yang berkaitan dengan Kad Prinsipal;
- 1.8 **"Perjanjian Pemegang Kad"** bermaksud perjanjian di antara Bank Penerbit dan Pemegang Kad yang mengawalselia pengeluaran dan penggunaan Kad;
- 1.9 **"Tidak Aktif"** bermaksud Kad Zing tanpa transaksi kad (tambah nilai atau penggunaan) untuk tempoh 24 bulan berturut-turut;
- 1.10 **"Yuran Terbitan"** bermaksud yuran yang dikenakan oleh Bank Penerbit untuk mengeluarkan Kad Zing;
- 1.11 **"Bank Penerbit"** bermaksud Hong Leong Bank Berhad ("HLB") atau Hong Leong Islamic Bank Berhad ("HLISB"), penerbit Kad Kredit dan Kad Zing, dan termasuk pengganti seterusnya;
- 1.12 **"Yuran Penyelenggaraan"** bermaksud yuran yang dikenakan oleh TNGSB pada setiap enam (6) bulan dari tarikh Cip TNG di dalam Kad Zing menjadi tidak aktif untuk menyelenggara Nilai Tidak Diguna;
- 1.13 **"Paras Pra-Tetap"** bermaksud nilai minimum RM50.00 (atau amaun lain yang mungkin ditetapkan oleh TNGSB dari semasa ke semasa);
- 1.14 **"Kad Prinsipal"** bermaksud MasterCard dan/atau VISA, atau sebarang jenama Kad, yang dikeluarkan kepada Pemegang Kad Prinsipal selaras dengan Perjanjian Pemegang Kad;

- 1.15 **“Pemegang Kad Prinsipal”** bermaksud seseorang yang dinamakan dan dikeluarkan Kad Prinsipal atas namanya;
- 1.16 **“Yuran Penggantian”** bermaksud yuran yang dikenakan oleh Bank Penerbit untuk penggantian Kad Zing;
- 1.17 **“Yuran Pembaharuan”** bermaksud yuran yang dikenakan oleh Bank Penerbit untuk memperbaharui Kad Zing;
- 1.18 **“Penyedia Perkhidmatan”** bermaksud pihak atau pihak-pihak yang mempunyai perjanjian dengan TNGSB untuk menerima TNG sebagai kaedah bayaran;
- 1.19 **“Cukai”** bermaksud sebarang cukai, levi, impos, duti, caj, yuran, sebarang bentuk potongan atau pegangan, asing atau Malaysia, yang dikenakan oleh mana-mana Pihak Berkuasa Berkenaan, termasuk, tanpa had, sebarang cukai penggunaan seperti cukai barangan dan perkhidmatan (“GST”) dan sebarang cukai lain dengan apa jua nama, dan sebarang faedah, denda atau penalti yang berkaitan dengannya;
- 1.20 **“TNG”** bermaksud Touch ‘n Go;
- 1.21 **“Cip TNG”** bermaksud cip yang mengandungi Kemudahan TNG serta Fungsi Tambah Nilai Automatik yang terdapat di dalam Kad Zing;
- 1.22 **“Kemudahan TNG”** bermaksud kemudahan pembayaran menggunakan dompet elektronik yang mengandungi nilai wang prabayar tersimpan dengan Fungsi Tambah Nilai Automatik yang terkandung di dalam Cip TNG yang terdapat pada Kad Zing;
- 1.23 **“TNGSB”** bermaksud Touch ‘n Go Sdn Bhd, penyedia Perkhidmatan Touch ‘n Go, dan termasuk pengganti seterusnya;
- 1.24 **“Perkhidmatan TNG”** bermaksud sebarang perkhidmatan yang mungkin disediakan oleh TNGSB dari semasa ke semasa untuk memudahkan pembayaran tol, yuran tempat letak kereta atau sebarang caj lain oleh Pemegang Kad, menggunakan Kemudahan TNG sebagai kaedah pembayaran;
- 1.25 **“Terma-terma TNG”** bermaksud terma-terma dan syarat-syarat Kad Zing yang dikeluarkan oleh TNGSB untuk Perkhidmatan TNG yang boleh diperolehi di [www.touchngo.com.my](http://www.touchngo.com.my);
- 1.26 **“Nilai Tidak Diguna”** bermaksud nilai wang tersimpan yang tidak digunakan yang terkandung di dalam Cip TNG yang terdapat pada Kad Zing;
- 1.27 **“Kad Zing”** bermaksud kad yang diterbitkan oleh TNGSB dan dikeluarkan oleh Bank Penerbit yang tertera nama “Kad Zing Touch ‘n Go” yang mengandungi Cip TNG dengan kemudahan kredit (sepagaimana dikawalselia oleh terma dan syarat Perjanjian Pemegang Kad di antara Bank Penerbit dan Pemegang Kad) untuk tujuan Transaksi Tambah Nilai Automatik.

## **2. Permohonan**

- 2.1 Pemegang Kad dikehendaki melengkapkan Borang Permohonan Kad Kredit Hong Leong Touch ‘N Go Zing (“Borang Permohonan”) dan menyerahkannya kepada Bank Penerbit berserta dokumen-dokumen yang dinyatakan dalam Borang Permohonan untuk memohon Kad Zing.
- 2.2 Permohonan untuk Kad Zing dan pengendorsan tandatangan Pemegang Kad di atasnya membentuk persetujuan Pemegang Kad mengenai Terma dan Syarat Kad Touch ‘N Go Zing (Credit) Hong Leong yang terkandung di sini yang mengawalselia penggunaan Kad Zing serta Perjanjian Pemegang Kad yang mengawalselia penerbitan dan penggunaan Kad.
- 2.3 Pemegang Kad hendaklah memaklumkan kepada TNGSB dan Bank Penerbit mengenai sebarang perubahan maklumat yang dinyatakan di dalam Borang Permohonan.
- 2.4 Pemegang Kad Prinsipal akan bertanggungjawab kepada Bank Penerbit untuk semua transaksi yang dilakukan di bawah Kad Zing.

## **3. Syarat Penggunaan**

- 3.1 Kad Zing hanya boleh dikeluarkan oleh Bank Penerbit dan dan diaktifkan untuk penggunaan oleh Pemegang Kad yang mengekalkan Kad Prinsipal yang sah dengan Bank Penerbit.
- 3.2 TNGSB akan melunaskan semua transaksi di bawah Perkhidmatan Touch 'n Go dan membenarkan Jumlah Tambah Nilai Automatik ditambah di laluan tol, tertakluk sentiasa Kad Zing adalah sah semasa diserahkan dan Pemegang Kad serta transaksi berkaitan mematuhi terma dan syarat yang terkandung di sini.
- 3.3 Nilai tersimpan dalam Kad Zing boleh digunakan di semua laluan tol secara tersendiri atau bersama peranti "Smart Tag" di laluan TNG dan Smart tag yang berkenaan serta untuk pembayaran di Penyedia Perkhidmatan terpilih selaras dengan Terma-terma TNG.
- 3.4 Pemegang Kad akan bertanggungjawab ke atas penggunaan Kemudahan TNG dan akan menggunakan Kemudahan TNG selaras dengan prosedur, arahan dan garis panduan yang mungkin ditetapkan dari semasa ke semasa oleh TNGSB.
- 3.5 Pemegang Kad tidak akan memindah, menjual, merosak atau mengubahsuai Kad Zing atau Cip TNG yang terkandung di dalamnya.

#### **4. Yuran dan Caj**

Semua yuran dan caj yang dinyatakan di sini tertakluk kepada Cukai pada kadar Cukai semasa.

##### **4.1 Yuran Terbitan**

- (a) Pemegang Kad akan dicaj Yuran Terbitan sebanyak RM10 (tertakluk kepada Cukai Kerajaan, jika berkenaan) untuk setiap terbitan Kad Zing yang akan didebit secara automatik dari Akaun Kad Pemegang Kad dengan Bank Penerbit.
- (b) Bank Penerbit dengan ini diberi kebenaran untuk mendebit dari Akaun Kad Pemegang Kad Prinsipal yang berkenaan atau aktif, semua wang yang diperlukan untuk menjelaskan yuran dan caj yang perlu dibayar kepada Penerbit dan/atau TNGSB (termasuk pertambahan yuran dan caj) dengan memberi notis awal.

##### **4.2 Yuran Penggantian**

- (a) Pemegang Kad akan dikenakan caj Yuran Penggantian sebanyak RM10.00 untuk penggantian Kad Zing (kecuali diketepikan selaras dengan terma-terma di sini) yang akan didebit secara automatik dari Akaun Kad Pemegang Kad dengan Bank Penerbit.

##### **4.3 Yuran Pembaharuan**

- (a) Semua Kad Kredit yang diterbitkan adalah tertakluk kepada tempoh luput lima (5) tahun dan semua Kad Zing yang diterbitkan adalah tertakluk kepada tempoh luput sepuluh (10) tahun.
- (b) Selepas tempoh luput, Cip TNG di dalam Kad Zing tidak boleh digunakan sepenuhnya dan sebarang Nilai Tidak Diguna yang masih ada di dalamnya akan dikembalikan kepada Pemegang Kad selaras dengan Klausula 4.5.
- (c) Tertakluk kepada budi bicara Bank Penerbit dan TNGSB, apabila Kad Zing luput tempoh, Pemegang Kad dikehendaki memohon untuk memperbaharui Kad Zing tertakluk kepada pembayaran Yuran Pembaharuan sebanyak RM10 (tertakluk kepada Cukai Kerajaan, jika berkenaan) kepada Bank Penerbit yang akan didebit secara automatik dari Akaun Kad Pemegang Kad dengan Bank Penerbit.

##### **4.4 Yuran Tambah Nilai Automatik**

- (a) Untuk setiap Tambah Nilai Automatik yang berjaya, satu Yuran Tambah Nilai Automatik sebanyak RM2.00 (tertakluk kepada Cukai Kerajaan, jika berkenaan) akan dicaj oleh TNGSB, dan Pemegang Kad dengan ini memberi kebenaran kepada Bank Penerbit untuk mendebit Yuran Tambah Nilai Automatik tersebut dari Akaun Kad Pemegang Kad dengan Bank Penerbit.

##### **4.5 Yuran Penyelenggaraan**

- (a) Yuran Penyelenggaraan sebanyak RM5.00 (tertakluk kepada Cukai Kerajaan, jika berkenaan) akan ditolak dari Nilai Tidak Diguna dalam Kad Zing pada setiap enam (6) bulan dari tarikh Cip TNG di dalam Kad Zing menjadi Tidak Aktif untuk menyelenggara Nilai Tidak Diguna.
- (b) Yuran Penyelenggaraan akan ditolak sehingga Nilai Tidak Diguna dalam Kad Zing telah habis.

## **5. Penggunaan Kemudahan Tambah Nilai Automatik**

- 5.1 TNGSB akan menambah nilai secara automatik ke dalam Cip TNGSB yang terdapat pada Kad Zing dengan Jumlah Tambah Nilai Automatik apabila nilai wang tersimpan di dalam dompet elektronik mencapai Paras Pra-Tetap. Fungsi Tambah Nilai Automatik hanya boleh digunakan apabila Kad Zing digunakan di laluan tol berkaitan.
- 5.2 Tambah nilai secara manual tidak dibenarkan kerana sebarang tambah nilai manual di mana-mana laluan tol dan/atau Penyedia Perkhidmatan akan menyahaktifkan Fungsi Tambah Nilai Automatik.
- 5.3 Pemegang Kad bersetuju bahawa Fungsi Tambah Nilai Automatik dihadkan kepada satu (1) tambah nilai automatik untuk setiap 24 jam.
- 5.4 Pemegang Kad dengan ini memberi kebenaran dan membenarkan Bank Penerbit untuk mendebit Akaun Kad Pemegang Kad dengan jumlah yang bersamaan dengan Jumlah Tambah Nilai Automatik dan Yuran Tambah Nilai Automatik apabila terdapat sebarang transaksi tambah nilai automatik, sebarang caj yang perlu dibayar dan Cukai ditanggung ke atasnya dengan memberikan notis awal kepada Pemegang Kad.
- 5.5 Tanpa mengambilkira sebarang klausa yang terkandung di sini, TNGSB dan/atau Bank Penerbit berhak pada bila-bila masa untuk menyekat Fungsi Tambah Nilai Automatik mana-mana Kad Zing atas sebarang sebab yang dianggap wajar oleh mereka (termasuk dan tidak terhad kepada kes had kredit tidak mencukupi, perlakuan kredit tidak memuaskan, atau kes di mana Kad Zing dilaporkan hilang, dicuri atau dipalsukan).
- 5.6 Sekiranya Fungsi Tambah Nilai Automatik untuk mana-mana Kad Zing telah disekat, Fungsi Tambah Nilai Automatik boleh diaktifkan semula dengan kebenaran Bank Penerbit tertakluk bahawa perkara yang menyebabkan Fungsi Tambah Nilai Automatik disekat telah diselesaikan dengan cara yang memuaskan TNGSB dan Bank Penerbit.
- 5.7 Pengaktifan semula Fungsi Tambah Nilai Automatik untuk Kad Zing hanya boleh dikuatkuasakan apabila Pemegang Kad menghubungi pusat panggilan Bank Penerbit yang berkaitan untuk meminta pengaktifan semula Fungsi Tambah Nilai Automatik. Empat puluh lapan (48) jam selepas permintaan untuk pengaktifan semula dilakukan, Pemegang Kad boleh mengaktifkan semula Fungsi Tambah Nilai Automatik di dalam Kad Zing dengan menyerahkan Kad Zing di kaunter Touch 'n Go yang ditetapkan oleh TNGSB untuk pengaktifan semula.
- 5.8 Bank Penerbit atau TNGSB tidak bertanggungjawab kepada Pemegang Kad dalam apa jua cara untuk sebarang kelewatan atau kerugian atau kerosakan yang dialami atau ditanggung oleh Pemegang Kad akibat kegagalan Fungsi Tambah Nilai Automatik untuk mana-mana Kad Zing atas sebarang sebab atau penolakan oleh mana-mana Penyedia Perkhidmatan untuk menerima Kad Zing atau TNG sebagai kaedah bayaran untuk sebarang barangan dan/atau perkhidmatan. Pemegang Kad hendaklah setiap masa memastikan bahawa mereka mempunyai cara alternatif untuk melunaskan bayaran untuk barangan dan/atau perkhidmatan yang disediakan oleh Penyedia Perkhidmatan.
- 5.9 Kecuali dinyatakan sebaliknya di dalam terma dan syarat ini, TNGSB secara bersendirian dan eksklusif bertanggungjawab kepada Pemegang Kad untuk nilai wang tersimpan di dalam Cip TNG dan Pemegang Kad tidak boleh mempertanggungjawabkan Bank Penerbit ke atas perkara tersebut.

## **6. Pertikaian Mengenai Transaksi Kad**

- 6.1 Sebagai tambahan kepada dan tanpa prejudis kepada peruntukan Perjanjian Pemegang Kad, sebarang pertikaian oleh Pemegang Kad Prinsipal mengenai sebarang debit yang dibuat ke atas Kad Prinsipal mestilah dilaporkan kepada Bank Penerbit dalam tempoh empat belas (14) hari selepas menerima atau dianggap menerima penyata Pemegang Kad berkaitan, kegagalan berbuat demikian Pemegang Kad Prinsipal akan dianggap telah menerima kemasukan yang terkandung di dalamnya sebagai benar dan menjadi bukti muktamad dan konklusif fakta yang terdapat di dalamnya dan mengikat ke atas Pemegang Kad Prinsipal.
- 6.2 Sebarang pertikaian oleh Pemegang Kad mengenai sebarang transaksi penggunaan yang menjejaskan nilai tersimpan di dalam Cip TNG hendaklah dimaklumkan kepada TNGSB dengan serta-merta dan diselesaikan di antara Pemegang Kad dan TNGSB.

## **7. Pemberitahuan Mengenai Transaksi Tanpa Kebenaran atas Kad Zing yang Dicuri, Hilang dan Diganti**

- 7.1 Pemegang Kad bertanggungjawab secara peribadi dan sepenuhnya ke atas sebarang penggunaan tanpa kebenaran Kad Zing atau jika Kad Zing hilang atau dicuri. TNGSB atau Bank Penerbit tidak boleh dipertanggungjawabkan ke atas sebarang penyalahgunaan Kad Zing atau untuk sebarang penggunaan tanpa kebenaran Kad Zing yang hilang atau dicuri.
- 7.2 Pemegang Kad hendaklah melaporkan kehilangan atau kecurian Kad kepada Pusat Kad Bank Penerbit dengan serta-merta untuk mengelakkan sebarang caj selanjutnya yang dilakukan secara fraud.
- 7.3 Tanpa mengambilkira pemberitahuan serta-merta oleh Pemegang Kad, kedua-dua TNGSB dan Bank Penerbit diberikan masa dua puluh empat (24) jam dari tarikh pemberitahuan untuk menyahaktifkan Kad Zing.
- 7.4 Selepas Bank Penerbit menerima pemberitahuan mengenai Kad Zing yang hilang, dicuri atau luput tempoh, Kad Zing kemudiannya boleh digantikan dengan Kad Zing baharu dengan nilai sifar dalam masa tujuh (7) hari bekerja. Nilai Tidak Diguna di dalam Kad Zing yang telah dinyahsahkan boleh dikreditkan ke Akaun Kad Pemegang Kad selepas ditolak semua caj berkenaan yang dinyatakan dalam Klausula 4 di atas.
- 7.5 Jika Kad Zing hilang atau dicuri, Bank Penerbit atau TNGSB tidak bertanggungjawab ke atas transaksi yang berlaku atau ditanggung sebelum laporan sewajarnya dibuat kepada pusat kad Bank Penerbit dan dalam tempoh 24 jam yang dinyatakan. Pemegang Kad masih bertanggungjawab sepenuhnya untuk semua caj termasuk dan tidak terhad kepada Fungsi Tambah Nilai Automatik yang berlaku atau ditanggung semasa tempoh 24 jam tersebut.
- 7.6 Bank Penerbit tidak boleh diwajibkan untuk mengeluarkan kad gantian kepada Pemegang Kad selepas Kad Zing hilang atau dicuri
- 7.7 Pemegang Kad Prinsipal berkaitan mestilah memberi kebenaran kepada pusat kad Bank Penerbit untuk menggantikan Kad Zing dan Yuran Terbitan akan dicaj selaras dengan Klausula 4.1 di atas.

## **8. Penyahaktifan Kad Zing**

- 8.1 Mana-mana Kad Zing yang menjadi Tidak Aktif akan dinyahaktifkan oleh TNGSB.
- 8.2 Sekiranya Kad Zing telah dinyahaktifkan, Yuran Penyelenggaraan sebanyak RM5.00 (tertakluk kepada Cukai Kerajaan, jika berkenaan) akan dikenakan oleh TNGSB dan yuran tersebut akan ditolak dari Nilai Tidak Diguna pada setiap enam (6) bulan. Pemegang Kad bersetuju bahawa potongan automatik ini akan berterusan sehingga Nilai Tidak Diguna dalam Kad Zing telah habis.

## **9. Penamatan**

- 9.1 Penggunaan Kad Zing oleh Pemegang Kad boleh ditamatkan oleh Bank penerbit mengikut budi bicara mutlaknyanya termasuk dan tidak terhad kepada sebab berikut:
- (a) Pemegang Kad mengingkari mana-mana terma dan syarat yang terdapat di sini;

- (b) Pemegang Kad melaporkan Kad telah luput tempoh, hilang atau dicuri, dipalsukan atau rosak;
  - (c) hak Pemegang Kad untuk menggunakan Kad Zing telah tidak sah sebagaimana diperuntukkan di sini;
  - (d) Sistem Bayaran Elektronik TNGSB milik TNGSB mengalami kegagalan, ditukar, diperbaiki, dinaiktaraf atau diubahsuai;
  - (e) Akaun Kad Pemegang Kad tidak aktif;
  - (f) Kad Prinsipal ditamatkan atas sebarang sebab;
  - (g) Pemegang Kad menamatkan Kad Zing;
  - (h) Kad Zing ditamatkan, melalui pindahan fail atau sebarang kaedah lain yang dipersetujui di nataran Bank penerbit dan TNGSB
- 9.2 Tanpa prejudis kepada Klausula 9.1, penggunaan Kad Zing ditamatkan:
- (a) apabila Pemegang Kad memaklumkan kepada Bank Penerbit keinginan beliau untuk menamatkan kesahan Kad Zing; atau
  - (b) apabila Bank Penerbit memaklumkan TNGSB mengenai penamatan Kad Zing.
- 9.3 Selepas notis diberikan selaras dengan Klausula 9.1 (a) atau (b) di atas:-
- (a) Bank Penerbit mungkin memaklumkan TNGSB untuk menyekat Fungsi Tambah Nilai Automatik pada Kad Zing; dan
  - (b) Bank Penerbit mungkin memaklumkan TNGSB untuk menyekat Kemudahan TNG pada Kad Zing mengikut budi bicaranya bergantung kepada situasi penamatan.
- 9.4 Pemegang Kad masih bertanggungjawab sepenuhnya kepada Bank Penerbit dan TNGSB untuk semua transaksi yang berlaku atau ditanggung ke atas Cip TNG yang terdapat pada Kad Zing dan Pemegang Kad Prinsipal akan bertanggungjawab ke atas semua Fungsi Tambah Nilai Automatik yang dilakukan dan didebitkan ke Akaun Kad Pemegang Kad yang berkaitan untuk tempoh 24-jam selepas Bank Penerbit mengesahkan penerimaan notis penamatan.
- 9.5 Di mana:-
- (a) Kemudahan TNG telah ditamatkan untuk mana-mana Kad Zing, Nilai Tidak Diguna di dalamnya akan dikembalikan kepada Pemegang Kad selaras dengan Klausula 4.5 di sini; dan
  - (b) Hanya Fungsi Tambah Nilai Automatik dalam mana-mana Kad Zing telah disekat atau ditamatkan, maka Nilai Tidak Diguna selagi ia belum luput atau dianggap Tidak Aktif, adalah sah untuk digunakan sehingga baki nilai tersimpan menjadi sifar.
- 9.6 Tanpa mengambilkira kandungan di sini, semua permohonan untuk sebarang pengembalian ke atas Kad Zing mestilah dibuat kepada Bank Penerbit dalam masa sembilan puluh (90) hari dari tarikh Kad Zing tersebut hilang, dicuri, dibatalkan atau ditamatkan.

## **10. Perubahan Terma dan Syarat**

- (a) TNGSB dan Bank Penerbit berhak untuk menambah, memadam, menggantung, mengubah atau meminda penggunaan Kad Zing atau terma dan syarat yang terkandung di sini, sepenuhnya atau sebahagiannya mengikut budi bicaranya pada bila-bila masa dengan memberi notis awal. Pemegang Kad tidak berhak untuk menuntut sebarang pampasan terhadap TNGSB atau Bank Penerbit untuk sebarang dan semua kerugian atau kerosakan yang dialami atau ditanggung oleh Pemegang Kad sama ada disebabkan secara langsung atau tidak langsung oleh tindakan pemindaan, pembatalan, penamatan atau penggantungan tersebut.
- (b) Bank Penerbit akan memaklumkan Pemegang Kad mengenai sebarang pindaan atau perubahan kepada terma dan syarat ini dan tarikh di mana perubahan tersebut akan berkuat kuasa. Semua perubahan dan pindaan akan dimaklumkan melalui iklan di akhbar, melalui pengeposan notis, atau dengan mempamerkan notis di TNGSB atau Bank Penerbit, atau di mana-mana kaunter jualan Touch 'n Go

sebagaimana TNGSB dan/atau Bank Penerbit anggap perlu dan akan dianggap sebagai pemberitahuan yang mencukupi kepada Pemegang Kad.

**11. Notis**

Semua notis lain yang akan diberikan oleh Pemegang Kad kepada Bank Penerbit hendaklah berdasarkan Perjanjian Pemegang Kad.

**12. Pendedahan**

Sebagai tambahan kepada pendedahan yang dinyatakan dalam Perjanjian Pemegang Kad, Pemegang Kad dengan ini membenarkan Bank Penerbit untuk mendedahkan sebarang maklumat mengenai Pemegang Kad kepada TNGSB dan rakan sekutu perniagaan TNGSB (Project Lebuhraya Usahasama Berhad) untuk memudahkan penggunaan Kad Zing atau kelayakan rebat, atau untuk tujuan mendapatkan semula sebarang wang perlu bayar dan terhutang oleh Pemegang Kad kepada Bank Penerbit dan TNGSB.